

28/09/1999

Proton pelopor perindustrian Malaysia

Kadir Dikoh

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarkan hasrat negara mengeluarkan kereta sendiri kira-kira 16 tahun lalu, beliau disindir malah diketawakan, bukan saja oleh orang asing tetapi sebilangan rakyat negara ini sendiri.

Walaupun dikritik dan disindir sebagai satu projek prestij yang mungkin terkubur sebagai "gajah putih", tahun demi tahun Proton membuktikan ia mampu menyaingi, malah di negara ini ia menguasai pasaran, di samping turut menembusi pasaran antarabangsa.

Kejayaan yang dicapainya membuktikan kebolehan rakyat dan negara dalam bidang pembuatan kereta. Usaha gigih, penuh dedikasi dan sanggup menghadapi cabaran, memungkinkan Proton terus berkembang dari tahun demi tahun, meninggalkan pengkritiknya tergamam.

Selepas model sulung, Saga, dikeluarkan pada hari pelancaran 1985, Proton berkembang pesat dengan pengeluaran pelbagai model lain seperti Iswara, Wira, Satria, Perdana, Tiara yang menggunakan teknologi Citroen, Putra, Kancil dan kini dalam proses menghasilkan enjin automotif prototaip pertama di negara ini.

Kejayaan Proton sekarang bukan setakat menguasai pasaran tempatan malah berjaya menempa sejarah dengan menyaingi keluaran syarikat antarabangsa lain yang sudah lama bertapak di sini.

Sememangnya, tanggal Selasa, 9 Julai 1985 adalah hari bersejarah bagi Malaysia. Pada hari itu kereta Proton Saga pertama dikeluarkan di kilang Proton di Shah Alam, sekali gus menandakan negara melangkah setapak lagi ke arah pembangunan perindustrian.

Langkah pengwujudan Proton, yang pada mula-mulanya dianggap oleh sesetengah pihak sebagai usaha untuk menghancurkan peniaga kereta yang ada, terbukti mampu mengembangkan dengan lebih pesat lagi industri automobil negara.

Bukan saja pemasang kereta keluaran lain terus mampu mengembangkan pasaran masing-masing, Proton turut berupaya melahirkan peniaga baru dan peniaga kecil dengan membuka peluang untuk memasuki bidang itu.

Keputusan kerajaan melaksanakan projek kereta kebangsaan itu kini berjaya memperluas dan mengukuhkan asas perindustrian negara dan menyumbang kepada usaha untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara perindustrian. Kejayaan Proton sebenarnya membawa erti yang besar terhadap ekonomi negara.

Di samping banyak membawa kemajuan kepada industri kereta tempatan, ia juga banyak menyumbang kepada peningkatan teknologi, pengetahuan dan kemahiran masyarakat tempatan dalam bidang kejuruteraan.

Projek itu sudah terbukti menjadi nadi penggerak bagi pertumbuhan dan pembangunan industri sampingan. Menerusinya, perusahaan membuat komponen dilahirkan di negara ini yang kini sudah mencapai taraf kemampuan kejuruteraan dan penyerapan teknologi yang lebih tinggi.

Sektor pembuat komponen itu pula sudah banyak membuka peluang pelaburan dan pekerjaan, di samping menggalakkan pembangunan industri lain, seperti industri logam, industri berasaskan getah dan plastik.

Kejayaan Proton sebenarnya sudah melebihi daripada apa boleh dibayangkan oleh kebanyakan rakyat pada ketika ia mula dilancarkan sebagai anak syarikat Perbadanan Industri Berat Malaysia - Hicom.

Kejayaan Proton disemarakkan lagi dengan kemampuannya meneroka pasaran antarabangsa. Proton hari ini boleh dilihat di kebanyakan jalan raya di

sebahagian besar negara membangun termasuk Asia Barat, Afrika Selatan, Asia Tenggara dan Amerika Selatan.

Di Malaysia sendiri, kejayaan Proton tidak dapat disangkal kerana ia berjaya mengatasi semua model keluaran negara lain termasuk Jepun dan Eropah, sekali gus muncul sebagai model baru paling laris.

Kini dengan kejayaan pengeluaran lebih sejuta unitnya, Proton sudah mampu untuk mensejagatkan lagi kedudukannya di pasaran automobil. Langkah mengambil alih sebahagian besar ekuiti pembuat kereta berprestij British, Lotus Group International Ltd oleh Proton dan pengkerusinya ketika itu, Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad, menjanjikan penguasaan teknologi yang lebih tinggi pada masa depan Proton.

Proton juga mampu menguasai teknologi Jepun untuk menghasilkan kenderaan yang mendapat pengiktirafan tertinggi dunia.

Proton merancang untuk mengeluarkan model baru yang direka bentuk sepenuhnya oleh syarikat itu sendiri dalam tempoh terdekat ini, kata pengkerusinya, Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

Keyakinannya itu berlandaskan kemudahan semakin meningkat di kilang pengeluaran syarikat yang akan membolehkan pengeluar kereta nasional menjadi lebih serba boleh dan memenuhi permintaan pasaran bagi produk bermutu serta cabaran lain.

"Kami berharap (model baru) ini akan membawa satu lagi kejayaan kepada kami," katanya dalam laporan tahunan syarikat 1999. Menghuraikan mengenai syarikat itu yang menempa sejarah baru dalam keupayaan teknikal, beliau berkata, Proton menggabungkan ciri-ciri "Superior Ride" dan "Handling" dalam melancarkan model "Perdana V6" dan "Satria GTi" pada November tahun lalu.

"Ia akan membantu ke arah menyediakan kerja asas bagi kereta reka bentuk pertama Proton serta meningkatkan jenama dan imej produk kami bagi mendapatkan penerimaan dan sokongan yang lebih besar daripada pelanggan," katanya.

"Ia pastinya dapat dicapai pada masa yang ditetapkan kerana Proton kini menjadi pengeluar kereta lengkap di mana kami mempunyai kemudahan pembangunan reka bentuk kenderaan gabungan tambahan kepada kemudahan lain," katanya.

Beliau berkata, pengeluar kereta itu kini mampu mereka bentuk kenderaan sendiri bermula daripada konsep kepada perkilangan.

Akhir tahun lalu, Malaysia melangkah setapak lagi ke arah membangunkan industri automotif yang kompetitif apabila menghasilkan enjin automotif prototaip pertama di negara ini, ciptaan 15 jurutera anak Malaysia.

Ia adalah hasil pembabitan Petronas dalam Formula 1, satu langkah yang diambil Petronas untuk memperkenalkan jenama syarikat dan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Kita turut bangga kerana Petronas menghasilkan enjin berprestasi tinggi itu dalam tempoh kurang dua tahun. Ini menjadi bukti keupayaan jurutera Malaysia untuk belajar, menyerap dan menyesuaikan diri dengan teknologi baru. Pencapaian ini menjadi satu petanda baik bagi Malaysia ketika negara melangkah ke alaf akan datang.